

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
(NIBONG TEBAL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.10.2014**

**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk campur tangan bagi tangani kemelut pemecatan kakitangan Syarikat Kereta api Tanah Melayu KTMB yang terlibat dalam picket membantah pengurusan tertinggi KTMB baru-baru ini demi menjaga kepentingan pekerja dan syarikat KTMB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek tadbir urus, Kementerian Kewangan selaku pemegang saham tidak boleh campur tangan dalam kemelut pemecatan beberapa kakitangan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kerana ia lebih menjurus kepada isu dalaman syarikat dan wajar diselesaikan di peringkat pengurusan KTMB dengan dibantu oleh Lembaga Pengarah KTMB.

Terkini, Kementerian Kewangan dimaklumkan bahawa perkara ini dalam proses penyelesaian di mana Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam usaha untuk membuat perdamaian di antara KTMB dan Kesatuan Pekerja-Pekerja KTMB.